

**BUNGA RAJAH PERFUME**

**YANG MENAWAN HATI  
AIR WANGI BUNGA RAJA**

水香王花  
பூங்கா ராஜா  
ബണ്ടൻ

**ROBINSON & CO., LTD.**  
Raffles Place, Singapore.

Harga \$3.00 Sebotol  
Boleh didapati daripada:

(Tertubuh di Singapura)

## SERUAN

(oleh Pencinta Qalam)

Pencinta Qalam tumpang berjalan

Perjalanan Qalam sebulan-sebulan

Pekerjaan Qalam berat pikulan

Penyedar bangsa kaum dan taulan.

Nasib ingatan sebagai bekalan

Neraca ukuran membuat pelan

Nasib bangsa jangan ketinggalan

Niat bersih supaya berkekalan.

Cukup dan buat harap berbetulan

Cergas bekerja bukan perbualan

Cepat rajin dengan kecekalan

Cita-cita bersih tidak terkilan.

Yakin tetap dalam kebetulan

Iaitu insaf dengan keadilan

Ya, ikhwanku janganlah malan

Yang mana kebajikan segeralah telan.

Negeri bangsa masyarakat kumpulan

Natijah yang baik ambil kesimpulan

Nafsu mesti dalam kawalan

Nisbah yang keji ketepikan jalan.

Tandu angkat kaum kenalan

Tunjuk ajar cara kebetulan

Taubat menyesal sebarang kecabulan

Tawakal tekun berubah kehasilan.

Usaha ikhtiar mencari bekalan

Allah lepaskan sebarang kemusykilan

Usaha gentar sebarang pukulan

Insyah-Allah selamat sampai pengkalan.

Kadar dan sedar diri si fulan

Kudrat iradat punya soalan

Kanun syariat jangan ketinggalan

Quran pemandu lepas kesalahan

Lamun tidak setelah jalan

Lara hanyut tak tentu pangkalan

Lebur hancur dalam kesebalan

Luput segala harapan kehandalan.

Mohonlah tuhan memberi pengenalan

Mudah-mudahan hapus kebebalaan

Mara maju berhambal-hambalan

Menerima rahmat terlepas kemasghulan.